

'Kita tegas selesai isu tertunggak dengan Singapura'

BH 12/7/03

TOKYO: Malaysia akan mengambil pendekatan tegas dalam menyelesaikan beberapa isu tertunggak dengan Singapura yang sudah berlanjutan sekian lama, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan 'lari' daripada menyelesaikan segala masalah yang timbul dengan negara jiran itu terutama dalam mempertahankan hak dan kedaulatan negara.

"Sebagai negara jiran yang terdekat, kita dengan Singapura memang tidak boleh dipisahkan. Kita mahu hubungan dua hala terjalin dengan mesra tetapi banyak isu tertunggak yang belum diselesaikan.

"Jadi, kerajaan mesti mengambil pendekatan tegas untuk menyelesaikan segala isu itu kerana ia berkaitan dengan hak dan kedaulatan negara," katanya ketika mengadakan dialog bersama kira-kira 150 pelajar Malaysia yang menuntut di Jepun, pada majlis makan malam di Kedutaan Malaysia di sini, malam tadi.

Beliau berkata demikian ketika ditanya seorang pelajar mengapa kerajaan 'begitu baik' kepada republik itu sedangkan, banyak isu tertunggak yang memberi kesan kepada hubungan dua hala.

Isu tertunggak antara Malaysia dan Singapura termasuk tuntutan bertindih Pulau Batu Putih, Middle Rock dan South Ledge yang kini diperseutujui kedua-dua negara untuk dibawa ke Mahkamah Dunia.

Di samping itu, isu yang masih dibincangkan adalah harga air, Pusat Perkhidmatan Kastam dan Kuarantin di Tanjung Pagar, pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan pengeluaran wang caruman rakyat Malaysia daripada Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura.

Abdullah yang turut ditanya mengenai Universiti Teknikal Malaysia Jepun berkata, kemasukan kumpulan pertama pelajar akan dilakukan hujung tahun ini memandangkan kedua-dua negara berminat untuk mempercepatkan penubuhan universiti itu.

Kelmarin, dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi, kedua-dua pemimpin komited untuk memperluaskan lagi jalinan kerjasama terutama dalam usaha penubuhan universiti awam baru dalam bidang kejuruteraan dan teknikal itu.

Cadangan penubuhan universiti itu dikemukakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mesyuarat Asean + 3 (Jepun, China dan Korea Selatan) di Brunei pada 2001 dan turut dihadiri Koizumi.

Ia akan dibuka kepada semua pelajar dari negara Asean, di mana tenaga pengajarnya terdiri dari kalangan pakar Jepun dalam bidang berkaitan.

Selain delegasi Abdullah, beberapa ahli korporat Malaysia yang menetap di Jepun juga hadir di sesi dialog itu.